



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN / BANTUAN DARIPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO'S), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT & ORANG PERSEORANGAN

Tarikh kemaskini : 20 Oktober 2020

Kawasan terlibat	Tempoh kuat kuasa	Prosedur Operasi Standard (SOP)	Aktviti yang dilarang
		Aktiviti yang dibenarkan	
Seluruh kawasan PKPB dan PKPD di negeri Sabah	Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB dan PKPD di negeri Sabah.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghubungi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah yang berkenaan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum penyampaian bantuan, untuk memaklumkan perkara-perkara seperti yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Jenis dan bentuk sumbangan / bantuan; b) Bilangan penerima yang dicadangkan; c) Lokasi pengagihan sumbangan / bantuan; dan d) Jadual penghantaran sumbangan / bantuan. 2. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah akan menyelaras pengagihan sumbangan / bantuan dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian / Daerah. 3. Semasa pengagihan sumbangan / bantuan, wakil pemberi sumbangan / bantuan WAJIB untuk: <ol style="list-style-type: none"> a) Memeriksa suhu badan dan pastikan tidak bergejala; b) Memakai pelitup muka setiap masa; c) Sentiasa menggunakan <i>hand- sanitizer</i>; d) Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu; dan e) Terhad kepada dua (2) orang wakil sahaja. 4. Pengagihan sumbangan / bantuan kepada golongan sasaran WAJIB diiringi oleh petugas PKOB Daerah yang terdiri daripada PDRM, RELA, APM dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian / Daerah ke kawasan pengagihan sumbangan / bantuan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa memaklumkan PKOB Daerah yang berkenaan. 2. Memasuki kawasan-kawasan PKPD tanpa kebenaran daripada pihak berwajib. 3. Membuat program / gimik yang melibatkan orang ramai berkumpul atau berhimpun. 4. Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa diiringi oleh petugas PKOB Daerah atau pasukan keselamatan. 5. Mengingkari SOP-SOP yang telah dikeluarkan dan arahan daripada pihak berkuasa.